International Journal of Law, Government and Communication
EISSN : 0128-1763
Volume 10 Issue 42 (December 2025) PP. 345-353
DOI 10.35631/IJLGC.1042024



INTERNATIONAL JOURNAL OF LAW, GOVERNMENT AND COMMUNICATION (IJLGC)
www.ijlgc.com

MENEROKAI PENUBUHAN SYARIKAT BERHAD ANGGOTA TUNGGAL DALAM KERANGKA UNDANG-UNDANG MALAYSIA

EXPLORING THE ESTABLISHMENT OF SINGLE MEMBER COMPANY IN MALAYSIAN LEGAL FRAMEWORK

Nor Hayati Abdul Samat[1*], Nor Azlina Mohd Noor [2], Noor'Aza Ahmad[3]

[1] Pusat Pengajian Undang-undang, Universiti Utara Malaysia, Malaysia
Email: as.yati@uum.edu.my
[2] Pusat Pengajian Undang-undang, Universiti Utara Malaysia, Malaysia
Email: norazlyna@uum.edu.my
[3] Pusat Pengajian Undang-undang, Universiti Utara Malaysia, Malaysia
Email: nooraza@uum.edu.my
[*] Corresponding Author

Article Info:

Article history:
Received date: 19.10.2025
Revised date: 06.11.2025
Accepted date: 21.12.2015
Published date: 31.12.2025

To cite this document:

Abdul Samat, N. H., Mohd Noor, N. A., & Ahmad, N. A. (2025). Menerokai Penubuhan Syarikat Berhad Anggota Tunggal Dalam Kerangka Undang-Undang Malaysia. *International Journal of Law, Government and Communication, 10* (42), 345-353.

DOI: 10.35631/IJLGC.1042024

This work is licensed under CC BY 4.0

Abstrak:

Pengenalan Syarikat Berhad Anggota Tunggal menandakan satu perkembangan penting dalam landskap perniagaan di Malaysia, kerana ia menyediakan alternatif korporat yang lebih tersusun bagi usahawan individu dan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) yang sebelum ini terhad kepada milikan tunggal. Artikel ini meneliti implikasi undang-undang kewujudan dan kedudukan syarikat berhad anggota tunggal khususnya selepas pengenalan pembaharuan melalui Akta Syarikat 2016 sebagai instrumen untuk merangsang pertumbuhan keusahawanan, memperkukuh perlindungan liabiliti dan meningkatkan kesinambungan operasi bagi usahawan individu. Dapatan kajian menunjukkan bahawa penubuhan syarikat berhad anggota tunggal tidak mempunyai sebarang perbezaan dengan syarikat-syarikat lain, dari aspek proses pendaftaran dan kesan penubuhannya. Namun begitu, komunikasi pro aktif antara entiti ini dan setiausaha syarikatnya perlu berlangsung secara berterusan. Secara keseluruhannya, kewujudan entiti ini dilihat sebagai langkah penting dalam memperkukuh pembangunan perniagaan dan menyokong inovasi keusahawanan di Malaysia.

Kata Kunci:

Syarikat, Anggota Tunggal, Penubuhan

International Journal of Law, Government and Communication
EISSN : 0128-1763
Volume 10 Issue 42 (December 2025) PP. 345-353
DOI 10.35631/IJLGC.1042024

Abstract:

The introduction of the Single Member Company (SMC) marks a significant development in Malaysia's business landscape, as it provides a more structured corporate alternative for individual entrepreneurs and Small and Medium Enterprises (SMEs) that were previously limited to sole proprietorships. This article examines the legal implications, existence, and status of Single Member Company (SMC), particularly following the reforms introduced under the Companies Act 2016, as a mechanism to stimulate entrepreneurial growth, strengthen liability protection, and enhance business continuity for individual entrepreneurs. The study's findings indicate that the establishment of a Single Member Company (SMC) does not differ from other companies in terms of registration procedures and its legal effects. However, proactive communication between this entity and its company secretary needs to be maintained continuously. Overall, the existence of this entity is regarded as an important step in strengthening business development and supporting entrepreneurial innovation in Malaysia.

Keywords:

Company, Single Member, Establishment

Pengenalan

Akta Syarikat 2016 (Akta 777) telah diperkenalkan untuk mewujudkan sekitaran mesra perniagaan yang dikawal selia. Selaras dengan matlamat pengenalannya, Akta 777 membawa pelbagai pembaharuan dan penambahbaikan. Di bawahnya, permohonan untuk mendaftarkan sebuah syarikat boleh dibuat secara dalam talian. Permohonan juga kini boleh dibuat oleh penaja syarikat tanpa memerlukan khidmat profesional. Prosedur permohonan juga telah dipermudahkan. Dokumen-dokumen permohonan pendaftaran yang digunakan sebelum ini telah dimansuhkan. Sebaliknya di bawah Akta 777, permohonan untuk pendaftaran syarikat dibuat dengan mengisi *superform* yang lebih mudah. Selain itu, pemohon tidak perlu menyertakan deraf Perlembagaan, semasa proses permohonan pendaftaran syarikat. Reformasi ini merupakan suatu bentuk pemudahcara kepada pihak-pihak yang berhasrat untuk mendaftarkan dan menjalankan perniagaan di Malaysia (Berita Harian, 2017).

Selain itu, syarat minima keanggotaan syarikat turut diperbaharui dan ia mampu menggalakkan usahawan di Malaysia untuk mendaftarkan perniagaan mereka. Akta 777 memperkenalkan syarikat berhad anggota tunggal. Menurut seksyen 9(b), sebuah syarikat hendaklah mempunyai seorang atau lebih anggota. Peraturan ini dengan jelas mengubah keperluan minima dua orang anggota untuk menubuhkan syarikat sepertimana yang ditetapkan oleh Akta Syarikat 1965 sebelum ini (Shih, 2018). Syarikat berhad anggota tunggal ini memberi alternatif organisasi perniagaan kepada usahawan tunggal dari Industri Kecil dan Sederhana (IKS), yang sebelum ini harus memilih perniagaan milikan tunggal (Sahabuddin et al., 2025). Di bawah model milikan tunggal, harta peribadi peniaga boleh terjejas akibat menanggung hutang perniagaan. Dengan adanya syarikat berhad anggota tunggal, usahawan IKS atau individu yang baharu menceburi dunia perniagaan dapat mengekalkan kawalan penuh ke atas perniagaan mereka. Pada masa yang sama, mereka akan dilindungi oleh prinsip entiti berasingan yang merupakan ciri istimewa sebuah syarikat.

International Journal of Law, Government and Communication
EISSN : 0128-1763
Volume 10 Issue 42 (December 2025) PP. 345-353
DOI 10.35631/IJLGC.1042024

Namun begitu, tidak banyak penelitian ilmiah terdahulu dibuat bagi mengupas kedudukan penuh syarikat berhad anggota tunggal ini dari kerangka undang-undang syarikat di Malaysia. Kebanyakan karya ilmiah hanya menyentuh secara umum mengenai kewujudannya di bawah Akta Syarikat 2016 (Anon, 2017). Oleh itu, dengan menggunakan kaedah penyelidikan tradisi undang-undang, dan kutipan data secara kajian perpustakaan, penulisan ini menganalisis syarikat berhad milikan tunggal dari aspek penubuhannya dan isu yang perlu diberi perhatian dalam kewujudannya dalam konteks Akta 777.

Ulasan Karya

Sorotan karya ini dibahagikan kepada dua analisis sebagai pengenalan kepada syarikat berhad anggota tunggal.

Konsep Syarikat Berhad Anggota Tunggal

Syarikat berhad anggota tunggal atau *One Person Company* (OPC) / *Single Member Company* (SMC) ialah sebuah syarikat yang mempunyai hanya seorang pemegang syer atau anggota. Anggota itu adalah seorang individu. Ciri ini penting bagi membezakannya dengan syarikat milikan penuh (*wholly own company*), yang juga mempunyai seorang anggota tetapi dari kalangan badan korporat atau organisasi. Syarikat berhad anggota tunggal ini juga dikaitkan dengan struktur pengurusan yang mempunyai seorang pengarah syarikat sahaja. Dengan kata lain terma "syarikat berhad anggota tunggal" secara praktisnya merujuk kepada syarikat yang mempunyai pemegang syer tunggal dan dia juga merupakan pengarah tunggal syarikat. Operasi syarikat ditadbir bersendirian sepertimana sebuah milikan tunggal. Walau bagaimanapun, syarikat berhad anggota tunggal mempunyai setiausaha syarikat bagi menasihati syarikat dalam konteks pematuhan undang-undang.

Konsep asas yang mendokong syarikat berhad anggota tunggal sebenarnya bukan suatu konsep yang baharu diformulasikan. Ia bukanlah suatu idea baharu dalam konteks dunia korporat global (Hasan, 2023). Konsep ini dikesan seawal tahun 1897 menerusi kes yang menjadi tulang belakang kepada kerangka undang-undang syarikat iaitu *Salomon* lwn. *A. Salomon & Co. Ltd.* [1897] AC 22, (Rao et al., 2023). Di dalam kes ini, Salomon telah menubuhkan sebuah syarikat berhad. Undang-undang syarikat yang berkuatkuasa di United Kingdom ketika itu iaitu *the Companies Act 1862*. Ia menetapkan bilangan minima anggota syarikat adalah tujuh orang. Salomon memegang hampir kesemua syer syarikat kecuali enam syer yang dipegang oleh enam anggota keluarganya. Apabila isu berkaitan hutang syarikat timbul, *House of Lords* telah memutuskan bahawa Salomon dan syarikatnya adalah dua entiti yang berasingan. Kes ini jelas menunjukkan bahawa ada kebarangkalian untuk seorang anggota secara hakikatnya memiliki syarikat dan mempunyai kawalan penuh ke atas syarikat. Namun pada masa yang sama, anggota syarikat itu masih dilindungi oleh prinsip entititi berasingan (Sealy & Worthington, 2013).

Secara keseluruhannya, syarikat berhad anggota tunggal ialah gabungan antara milikan tunggal dan syarikat liabiliti terhad atau syarikat berhad. Pemilik iaitu anggota syarikat mempunyai kawalan penuh ke atas syarikat. Pada masa yang sama, sebarang tanggungan syarikat tidak akan menjejaskan harta peribadinya. Dengan kata lain, syarikat berhad anggota tunggal ialah sebuah milikan tunggal di mana pemiliknya dan perniagaannya adalah dua entiti yang berbeza. Walaupun konsep ini sudah bernafas sekian lama tetapi, penggunaan konsep ini hanya diterjemahkan sebagai peruntukan berkanun dewasa ini. Ia menjadi suatu struktur perniagaan yang sangat menarik dalam usaha memudahkan dan memodenkan proses penubuhan syarikat

International Journal of Law, Government and Communication
EISSN : 0128-1763
Volume 10 Issue 42 (December 2025) PP. 345-353
DOI 10.35631/IJLGC.1042024

(Meng, 2017). Ia juga diharapkan mampu meningkatkan minat usahawan terutamanya dari kalangan IKS untuk mendaftarkan perniagaan mereka.

Ciri-ciri Syarikat Berhad Anggota Tunggal

Majoriti sarjana menggariskan beberapa ciri khusus bagi sebuah syarikat berhad anggota tunggal (Jain, 2021; Hasan, 2023). Antaranya, adalah seperti berikut:

a) Syarikat berhad anggota tunggal mempunyai seorang sahaja anggota. Anggota tersebut adalah seorang individu;
b) Syarikat berhad anggota tunggal merujuk kepada syarkat yang mempunyai seorang pengarah sahaja, iaitu anggota tunggal itu sendiri;
c) Ia adalah sebuah syarikat persendirian;
d) Walaupun anggota tunggal tersebut memiliki semua syer syarikat, ia tetap dianggap satu entiti yang berasingan daripada pemilik tersebut;
e) Oleh kerana ia merupakan entiti berasingan bebas daripada pemiliknya, maka syarikat berhad anggota tunggal mempunyai kesinambungan hayat tanpa terikat dengan pemiliknya.

Secara umumnya dapat dirumuskan bahawa, syarikat berhad anggota tunggal ini merupakan sebuah milikan tunggal yang diperbadankan (Almasabi et al., 2023). Namun begitu, dua entiti perniagaan ini tetap mempunyai perbezaan dan ianya dizahirkan seperti berikut (Haswani & Rajoria, 2015):

Jadual 1: Perbandingan Ciri Utama Syarikat Berhad Anggota Tunggal Dan Milikan Tunggal

Asas Perbandingan	Syarikat Berhad Anggota Tunggal	Milikan Tunggal
Entiti Undang-undang	Anggota dan syarikat dianggap sebagai dua entiti yang berasingan.	Pemilik dan perniagaan adalah satu entiti tunggal.
Liabiliti	Tanggungan anggota ke atas syarikat adalah terhad kepada bayaran atas jumlah syer yang dipegangnya.	Pemilik bertanggungan secara peribadi ke atas semua liabiliti perniagaannya.
Tanggungan Cukai	Semua pendapatan bercukai syarikat adalah atas taksiran dan tanggungan syarikat.	Oleh kerana pendapatan perniagaan adalah pendapatan pemilik, maka taksiran dan tanggungan cukai adalah atas individu pemilik.
Jangka Hayat	Syarikat memiliki kesinambungan hayat tanpa terkesan dengan jangka hayat anggota. Di India, syarikat ini perlu menamakan penama	Perniagaan milikan tunggal akan berakhir apabila pemilik meninggal dunia kerana pemilik dan perniagaan

International Journal of Law, Government and Communication
EISSN : 0128-1763
Volume 10 Issue 42 (December 2025) PP. 345-353
DOI 10.35631/IJLGC.1042024

Asas Perbandingan	Syarikat Berhad Anggota Tunggal	Milikan Tunggal
	yang akan mengambil alih tugas anggota yang meninggal dunia.	adalah satu entiti tunggal.

Sumber: (Almasabi et al., 2023; Haswani & Rajoria, 2015)

Hasil Dapatan

Berdasarkan analisis ke atas Akta 777 sebagai sumber primer dan lain-lain sumber sekunder, perbincangan ini akan dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu penerimaan konsep sebagai peruntukan berkanun, pendaftaran syarikat berhad anggota tunggal dan kesan undang-undang selepas pendaftaran.

Penerimaan Konsep dalam Peruntukan Berkanun

Pengenalan kepada syarikat berhad anggota tunggal bermula pada awal tahun 2017. Sebelum berkuatkuasanya Akta 777, semua syarikat di Malaysia hendaklah mempunyai sekurang-kurangnya dua anggota. Syarikat tidak dibenarkan untuk mempunyai kurang daripada dua anggota melebihi tempoh enam bulan. Sekiranya mana-mana pihak yang meneruskan perniagaan dalam keadaan dia mengetahui fakta bahawa anggota syarikat tidak memenuhi syarat minima itu, dia akan bertanggungan ke atas hutang yang dibuat selepas tempoh enam bulan tersebut (Rachagan et al., 2010; Choon et al., 2006). Situasi ini berubah selepas berkuatkuasanya Akta 777 pada 30 Januari 2017. Akta 777 menerima pemakaian konsep syarikat berhad anggota tunggal, selaras dengan perkembangan serupa di negara-negara lain (Meng et al., 2018). Seksyen 9(b) menetapkan bahawa sebuah syarikat hendaklah mempunyai seorang atau lebih anggota dengan liabiliti terhad terhadap obligasi syarikat. Nyataan berkanun ini jelas membolehkan syarikat di Malaysia untuk mempunyai seorang anggota sahaja, sekaligus mengiktiraf kedudukan syarikat berhad anggota tunggal.

Pendaftaran Syarikat Berhad Anggota Tunggal

Berdasarkan Akta 777 secara keseluruhan, tidak didapati sebarang prosedur khusus untuk mendaftarkan syarikat berhad anggota tunggal. Pendaftarannya harus melalui proses lazim yang dikenakan ke atas syarikat-syarikat yang lain. Ia bermula dengan carian nama syarikat. Seksyen 25(2) menggariskan bahawa, nama syarikat hendaklah dari kalangan nama yang tersedia atau sebarang ungkapan yang ditetapkan oleh Pendaftar semasa permohonan dibuat. Nama yang tersedia secara keseluruhannya, bukanlah nama yang sama atau seiras dengan nama yang telah digunakan oleh pihak lain sama ada yang telah sedia wujud atau nama yang bakal digunakan oleh pihak lain. Ia juga bukanlah nama yang mengandungi ungkapan-ungkapan yang telah diarahkan oleh Menteri untuk tidak diterima (Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), 2017). Penentuan sama ada sesuatu nama itu dianggap tersedia atau tidak, merupakan bidang kuasa Pendaftar sepertimana yang diperuntukkan di bawah seksyen 26(2).

Proses seterusnya ialah mengemukakan permohonan pendaftaran. Permohonan boleh dibuat dengan bantuan ahli badan professional yang berkelayakan sebagai setiausaha syarikat. Menariknya ialah, di bawah Akta 777, permohonan juga boleh dibuat oleh individu, tanpa bantuan ahli professional. Permohonan pendaftaran dibuat dengan mengisi *superform*. Beberapa maklumat perlu dikemukakan oleh pemohon bagi maksud tersebut. Antaranya, jenis syarikat, maklumat umum perniagaan yang bakal dijalankan oleh syarikat dan alamat berdaftar syarikat. Proses ini perlu dilaksanakan bagi permohonan pendaftaran semua syarikat kecuali

International Journal of Law, Government and Communication
EISSN : 0128-1763
Volume 10 Issue 42 (December 2025) PP. 345-353
DOI 10.35631/IJLGC.1042024

pada maklumat anggota. Bagi pendaftaran syarikat berhad anggota tunggal, maklumat seorang individu sahaja yang diperlukan. Sementara itu, bagi mengemukakan maklumat pengarah, pemohon perlu menamakan sekurang-kurangnya seorang individu jika berhasrat untuk mendaftarkan sebuah syarikat persendirian. Oleh kerana struktur syarikat berhad anggota tunggal menyatakan bahawa anggota adalah juga pengarah, maka maklumat anggota akan dikemukakan sebagai maklumat pengarah syarikat.

Superform yang lengkap diisi hendaklah dikemukakan kepada Pendaftar untuk proses kelulusan. Permohonan tersebut boleh dikemukakan secara dalam talian melalui aplikasi MyCoID. Jika Pendaftar berpuas hati, maka Pendaftar bolehlah mendaftarkan syarikat dan memberi nombor pendaftaran syarikat. Notis pendaftaran akan dikeluarkan dan menurut seksyen 19 Akta 777, ia merupakan keterangan muktamad bahawa syarikat telah didaftarkan secara sempurna. Tiada catatan khusus dalam nama syarikat ataupun notis pendaftaran, yang memberi indikasi bahawa syarikat tersebut ialah syarikat berhad anggota tunggal. Walaupun permohonan pendaftaran syarikat boleh dibuat sendiri oleh para usahawan, syarikat yang sempurna didaftarkan perlu mempunyai setiausaha syarikat. Menurut seksyen 236 syarikat mempunyai masa 30 hari dari tarikh pendaftaran untuk berbuat demikian.

Kesan Pendaftaran ke atas Syarikat Berhad Anggota Tunggal

Sebuah syarikat yang berdaftar akan mempunyai keperibadian undang-undang yang berasingan daripada anggotanya. Prinsip ini dimaktubkan di bawah seksyen 20(a), sebagai suatu bentuk pengiktirafan berkanun ke atas prinsip entiti berasingan. Pemakaian prinsip ini tidak akan terganggu walaupun anggota tunggal itu turut menguruskan syarikat sebagai pekerja. Isu ini harus di beri pencerahan kerana ia sangat berkait rapat dengan syarikat berhad anggota tunggal yang lazimnya bersaiz kecil, seakan-akan milikan tunggal. Di dalam kes *Lee* lwn. *Lee's Air Farming Ltd.* [1961] AC 12, Lee memegang semua kecuali satu syer syarikat. Dia adalah pengarah tunggal syarikat dan juga telah digajikan sebagai ketua juruterbang syarikat. Lee telah terbunuh semasa menjalankan tugas. Balunya memohon pampasan di bawah *the Workers' Compensation Act 1922 (New Zealand)*. Majlis Privy memutuskan bahawa, Lee adalah seorang pekerja, walaupun secara hakikatnya dia adalah pemilik syarikat. Ini adalah kerana Lee dan syarikatnya adalah dua entiti yang berbeza.

Prinsip entiti berasingan juga memberi kesan langsung ke atas kedudukan syarikat dalam sebarang tindakan undang-undang dan pemilikan harta. Sebarang tindakan undang-undang boleh dibawa bagi pihak syarikat mahupun terhadap syarikat dibuat atas namanya sendiri. (*Foss* lwn. *Harbottle* (1843) 2 Hare 461). Syarikat juga mampu untuk memiliki harta atas namanya sendiri. Di dalam kes *Macaura* lwn. *Northern Assurance Co. Ltd.* [1925]AC 619), Macaura telah menjual kayu-kayu balak miliknya kepada sebuah syarikat bernama *Irish Canadian Sawmiill Ltd*. Semua syer syarikat tersebut dimiliki oleh Macaura dan penamanya. Kayu-kayu balak itu telah diinsurankan di bawah satu polisi yang diambil atas nama Macaura. Apabila kayu-kayu balak tersebut musnah dalam kebakaran, Macaura cuba menuntut pampasan. Tuntutan tersebut telah ditolak oleh syarikat insurans dengan alasan Macaura bukanlah pemilik kayu-kayu balak tersebut. Mahkamah telah bersetuju dengan hujah syarikat insurans. Walaupun Macaura memegang semua syer syarikat itu, ia tidak menjadikan Macaura pemilik kepada harta syarikat. Macaura dan *Irish Canadian Sawmiill Ltd*., adalah dua entiti yang berbeza.

International Journal of Law, Government and Communication
EISSN : 0128-1763
Volume 10 Issue 42 (December 2025) PP. 345-353
DOI 10.35631/IJLGC.1042024

Kesinambungan dan Isu Berbangkit

Syarikat berhad anggota tunggal mempunyai kesinambungan hayat, sepertimana syarikat yang lain. Sifat ini adalah kesan langsung prinsip entiti berasingan. Jangka hayat syarikat tidak terikat dengan jangka hayat anggotanya. Dalam kes *Re Noel Tedman Holdings Pty. Ltd.* [1967] Qd R 561, Noel dan isterinya adalah pengarah syarikat dan juga pemegang semua syer syarikat. Mereka telah terbunuh dalam satu kemalangan kereta. Ia menyebabkan syarikat tidak lagi mempunyai pengarah dan pemegang syer. Artikel syarikat menetapkan bahawa pindahmilik syer si mati mengikut wasiat Noel boleh dibuat dengan kelulusan pengarah tetapi syarikat kini tiada pengarah. Kebiasaanya, masalah sebegini dapat diselesaikan dengan melantik pengarah baharu. Namun begitu, ia juga tidak dapat dilaksanakan kerana syarikat tidak lagi mempunyai pemegang syer. Akhirnya, Mahkamah telah memutuskan bahawa wakil si mati hendaklah melantik pengarah baharu bagi membolehkan pindahmilik syer dilaksanakan. Walaupun tidak dibincangkan secara khusus oleh para hakim, kes ini menunjukkan bahawa syarikat kekal wujud walaupun ia kehilangan semua pengarah dan pemegang syernya.

Walaupun kesinambungan hayat syarikat adalah prinsip yang diterima pakai di Malaysia, kaedah mengatasi masalah ketiadaan pengarah adalah sedikit berbeza di negara ini. Menurut seksyen 20(b) Akta 777, syarikat akan terus wujud sehingga ia dikeluarkan daripada daftar. Sebuah syarikat wujud melalui prosedur yang ditetapkan oleh undang-undang. Jangka hayat syarikat hanya akan berakhir melalui prosedur dan kaedah yang ditetapkan oleh undang-undang. Bagi menangani situasi kekosongan dalam syarikat seperti yang terjadi dalam kes *Re Noel Tedman*, Akta 777 mempunyai cara yang tersendiri. Seksyen 209(3) meletakkan tugas kepada setiausaha syarikat secepat yang boleh dilaksanakan untuk memanggil suatu mesyuarat waris kadim atau wakil dari lain untuk melantik pengarah baharu. Lantikan pengarah ini amat penting bagi membolehkan pindahmilik syer berlaku. Kaedah ini terpakai kepada semua syarikat, apatah lagi bagi syarikat berhad anggota tunggal, yang lebih berisiko menghadapi situasi kekosongan syarikat. Mesyuarat ini hendaklah diadakan dalam tempoh enam bulan dari tarikh kematian pengarah terakhir, Pendaftar boleh mengarahkan supaya syarikat itu dibatalkan.

Dalam konteks syarikat berhad anggota tunggal, seksyen 209(3) memberi kesan yang penting kepada tugas seorang setiausaha syarikat. Tugas biasa seorang setiausaha berkisar kepada tugas umum terhadap syarikat. Ia termasuklah memastikan syarikat menyerah simpan dokumen dalam tempoh yang ditetapkan. Setiausaha juga menasihati dan membantu pengarah dalam menguruskan mesyuarat syarikat. Walau bagaimanapun, tugas untuk memanggil mesyuarat waris kadim (*next of kin*) di bawah seksyen 209(3), lebih bersifat isu peribadi. Setiausaha perlu lebih mengenali pengarah dan keluarganya. Maklumat waris kadim pengarah perlu dikemaskini dari masa ke semasa. Tiada garis panduan yang jelas sama ada semua waris kadim si mati harus menyertai mesyuarat atau cukup dihadiri oleh wakil waris kadim. Keadaan akan bertambah rumit jika waris-waris kadim tidak sefahaman. Situasi sebegini tidak sesuai ditangani oleh seorang setiausaha syarikat.

Selain itu, Akta 777 juga tidak menjelaskan kaedah yang perlu diambil jika setiausaha syarikat turut meninggal dunia. Secara am, struktur sebuah syarikat berhad anggota tunggal terdiri daripada seorang anggota yang juga pengarah. Dia akan dibantu oleh setiausaha syarikat bagi memastikan syarikat mematuhi Akta 777. Dengan kata lain, syarikat berhad anggota tunggal boleh mempunyai sekurang-kurangnya dua individu yang menguruskan pentadbiran berkanun syarikat. Mereka ialah seorang anggota/pengarah dan seorang setiausaha syarikat. Namun

International Journal of Law, Government and Communication
EISSN : 0128-1763
Volume 10 Issue 42 (December 2025) PP. 345-353
DOI 10.35631/IJLGC.1042024

begitu, Akta 777 tidak menghalang anggota /pengarah itu pada masa yang sama menduduki jawatan setiausaha syarikat (SSM, n.d.). Akta 777 hanya menghalang dia untuk bertindak dalam dua kapasiti yang berbeza pada masa yang sama. Contohnya, jika Akta 777 menetapkan suatu dokumen itu ditandatangani oleh pengarah dan setiausaha syarikat, maka anggota tunggal itu tidak boleh melakukannya. Tiada garis panduan yang jelas dikemukakan untuk menangani situasi di mana anggota/pengarah/setiausaha meninggal dunia dan siapa yang akan melaksanakan tugas di bawah seksyen 209(3).

Sebaliknya, terdapat undang-undang di negara lain yang menanganinya dengan lebih mudah dan efektif. Di India contohnya, seksyen 3(1) Akta Syarikat 2013 menetapkan bahawa memorandum syarikat hendaklah menamakan seorang lain sebagai penama syarikat berhad anggota tunggal (Bhargava, 2022; Mall & Khushi, 2023). Ianya perlu dilakukan dengan mendapat persetujuan penama tersebut terlebih dahulu. Selain itu, persetujuan bertulis berkenaan hendaklah di serahsimpan dengan Pendaftar semasa pendaftaran syarikat berhad anggota tunggal. Tambahan pula, anggota tunggal tersebut berhak untuk menukar penama pada bila-bila masa. Dalam kes-kes di mana anggota tunggal itu meninggal dunia, penama akan mengambil alih kedudukan anggota syarikat secara automatik. Semua kepentingan dalam syarikat akan dipindahkan kepada penama, untuk diserahkan kepada waris-waris si mati. Ia adalah suatu kaedah penyelesaian yang mudah dan cepat dalam menyelesaikan masalah tersebut.

Kesimpulan

Syarikat berhad anggota tunggal merupakan suatu struktur syarikat yang unik, moden dan mesra perniagaan. Ia merupakan syarikat yang mempunyai seorang sahaja anggota yang juga merupakan pengarah bersama dengan setiausaha syarikat. Walaupun konsep asasnya telah lama wujud tetapi ia hanya mendapat pengiktirafan berkanun di Malaysia melalui Akta Syarikat 2016. Ia menggabungkan kelebihan milikan tunggal dari aspek pemilik mempunyai kawalan penuh terhadap syarikat di samping menikmati ciri khas syarikat iaitu entiti berasingan. Entiti ini mampu membantu para usahawan dari IKS ataupun peniaga yang baharu menceburi dunia perniagaan. Di samping pengurusannya yang lebih mudah berbanding syarikat biasa, anggotanya mahupun harta peribadinya akan dilindungi oleh undang-undang. Walaupun begitu, sepertimana syarikat-syarikat yang lain, syarikat berhad anggota tunggal tidak akan dikecualikan daripada sebarang tanggungan berkanun. Syarikat-syarikat sebegini juga harus mengambil langkah pro-aktif dari sudut perkongsian maklumat dengan setiausaha syarikat. Ia akan membantu setiausaha syarikat untuk menguruskan proses transisi pemilikan dan pengurusan, dalam kes-kes yang melibatkan kematian anggota yang juga merupakan pengarah ayarikat.

Penghargaan

Para penulis ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Universiti Utara Malaysia (UUM) atas sokongan yang telah diberikan sepanjang pelaksanaan penyelidikan ini. Penyelidikan ini tidak akan dapat dijalankan dengan lancar tanpa bantuan kewangan yang disalurkan melalui Geran Penjanaan Universiti (Kod S/O: 13937).

International Journal of Law, Government and Communication
EISSN : 0128-1763
IJLGC
Volume 10 Issue 42 (December 2025) PP. 345-353
DOI 10.35631/IJLGC.1042024

Rujukan

Almasabi, S. M. N., Mohd Ali, H., & Alam, H. S. M. N. (2023). One person company in asia and europe: A comparative study. *UUM Journal of Legal Studies (UUMJLS), 14*(2), 607-631.

Anon. (2017). The companies act 2016: Key changes and challenges. *Journal of Malaysian and Comparative Law, 44*(1).

Bhargava, A. (2022). One person company: Concept, opportunities & challenges in India. *South Asian Law & Economics Review, 7*, 213-222.

Berita Harian. (2017, Januari 27). Akta syarikat 2016 berkuatkuasa 31 januari. *BH Online.* https://www.bharian.com.my/taxonomy/term/5/2017/01/240746/akta-syarikat-2016-berkuat-kuasa-31-januari

Choon, B. C. C., Ngee, P. K. T., & Ling, P. S. W. (2006). *Malaysian company law principles & practice* (Edisi ke-2). Sweet & Maxwell.

Haswani, V., & Rajoria, K. (2015). One person company: An analytical study. *ACADEMICIA: An International Multidisciplinary Research Journal, 5*(7), 100-108.

Hasan, M. M. (2023). One person company (opc): A comparative study on south asian countries. *The Cost and Management, 51*(2), 28-34.

Jain, R. (2021). A critical evaluation of the concept of one person company. *Indian Journal of Law & Legal Research., 2*, 1.

Mall, D., & Khushi, S. K. (2023). One person company. *International Journal of Law Management & Humanities, 6*(2), 1815-1820.

Meng, C. W. (2017). *Essential company law in Malaysia navigating the companies act 2016*. Sweet & Maxwell.

Meng, C. W., Balasingam, T. P. S., & Leong, L. S. (2018). *Navigating the companies act 2016 for smes.* Thomson Reuters.

Miao, B. (2012). A Comparative study of legal framework for single member company in European Union and China. *Journal of Politics and Law, 5*(3), 1-14.

Nathawat, M. S., & Srivastava, S. (2025). A study of the concept of one person company in the context of company law reforms and its potential to promote ease of doing business in India: A legal analysis. *International Journal of Research & Technology, 13*(4), 542-548.

Rachagan, S., Pascoe, J., & Joshi, A. (2010). *Concise principles of company law in Malaysia* (Edisi ke-2). LexisNexis.

Rao, S., Kumar, K., & Sudhan, H. H. (2023). One person company – a holistic outlook. *Science & Engineering Journal, 11*(1), 888-892.

Sahabuddin, R., Paserangi, H. & Marwah, M. (2025). Small business, big questions: The legal landscape of single-member limited liability companies post-job creation law. *Journal of Management World*, (1), 312-318.

Sealy, L., & Worthington, S. (2013). Sealy & worthington's cases and materials in company law. Oxford University Press.

Shih, L. (2018). The companies act 2016: Key changes and challenges. *Journal of Malaysian and Comparative Law, 44*(1), 21–32.

Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM). (2017). *Companies act 2016.* https://www.ssm.com.my/Pages/Legal_Framework/Companies-Act-2016.aspx

Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM). (n.d). *Part c: Incorporation.* https://www.ssm.com.my/Pages/Legal_Framework/FAQS-ON-COMPANIES-ACT-2016-AND-TRANSITIONAL-ISSUES/part_c.pdf